

# Islam di antara Kejahilan Pemeluknya, dan Kelemahan Ulamanya

(V)

Hukum-hukum secara umum yang menjadi nas-nas syariat adalah sebagai *Qawā'id ām* (peraturan umum) bagi menyusun undang-undang syariah Islamiyyah di atas *Qawā'id ām* inilah syariat Islamiyyah berjalan dengan memberikan mandat yang sepenuhnya kepada *Ulī al-Amr* (raja atau pemerintah) untuk menjalankan hukum-hukum tersebut dengan mengikuti dasar dan nas-nas yang telah ditentukan di dalam syariat Islamiyyah itu . . . . .

(Terjemahan bebas oleh: Azmi)

## **Perbezaan mutu di antara**

### **Syariat Islamiyyah**

### **dengan undang-undang ciptaan manusia.**

Daripada bahasan-bahasan yang lalu kita dapat memberikan kesimpulan bahawa perbezaan mutu di antara syariat Islamiyyah yang diturunkan Allah dengan undang-undang negara ciptaan manusia itu terdapat dari tiga jurusan:

#### **1. Kesempurnaan:**

Keistimewaan yang didapati pada syariat Islamiyyah ialah kesempurnaan. Yakni segala jenis hukum yang terkandung di dalam syariat Islamiyyah itu adalah sempurna dan lengkap sama ada sesuatu hukum itu merupakan *theory* atau praktikal kerana syariat Islamiyyah itu dipenuhi dengan hukum-hukum yang berupa *theory* (*Qiyās - Naẓarī*) dan praktikal (amali). Segala hukum *theory* yang dibayangkan oleh syariat Islamiyyah dapat menjamin keperluan hidup manusia pada masa sekarang dan di masa akan datang.

#### **2. Ketinggian:**

Keistimewaan kedua yang didapati di dalam syariat Islamiyyah ialah

ketegasan kaedah-kaedah dan ketinggian

prinsip-prinsipnya yang sentiasa bersesuaian dengan kemahuan jiwa masyarakat. Selain dari itu ia mengandungi beberapa *theory* dan praktikal yang luas, yang tidak bersalah dengan pendapat-pendapat umum walaubagaimana tinggi sekali pun pergaulan hidup yang dicapai oleh sesuatu masyarakat manusia.

#### **3. Teguh dan tegas**

Keistimewaan ketiga yang menjadikan teguhnya pendirian syariat Islamiyyah itu ialah ketegasan yang didapati di dalam sesuatu hukum yang dibawanya. Sesuatu hukum yang terkandung di dalam syariat Islamiyyah adalah bersifat tegas, tidak menerima sebarang perubahan walaupun dengan adanya peredaran masa dan pertukaran zaman yang datang dan pergi silih berganti tetapi ia tetap tegas dan tidak berganjak daripada dasar sesuatu kaedah hukum yang telah ditetapkan dari sejak zaman ia dicipta dan diturunkan.

## **Cara-cara syariat Islamiyyah**

### **menghukum:**

Tujuan asal maka syariat Islamiyyah diciptakan kemudian diturunkan Allah ke alam dunia ini ialah untuk mengadili dan menghukum terhadap keadaan masyarakat manusia serta mengajar mereka cara hidup beragama di dalam soal keduniaan dan keakhiran. Cuma perlu sekali diambil perhatian bahawa bukan semua keterangan-keterangan dan nas-nas yang tercatit di dalam syariat Islamiyyah itu menyatakan sesuatu hukum dengan secara perincian satu persatu meliputi segala pokok, ranting dan cabang, seperti yang kita dapati di dalam satu-satu perlombagaan atau sesuatu undang-undang negara di hari ini. Kebanyakan daripada nas-nas yan tercatit di dalam syariat Islamiyyah itu diterangkan dengan secara ringkas tetapi mengandungi pengajaran dan hukum yang luas dengan segala cabang dan rantingnya.

Hukum-hukum secara umum (*kullīyah*) yang menjadi nas-nas syariat adalah sebagai *Qawā'id āmmah* (Peraturan umum) bagi menyusun undang-undang

syariat Islamiyyah. Di atas asas *Qawā'id 'āmmah* inilah syariat Islam berjalan dengan memberikan mandat yang sepenuhnya kepada *ūlī al-Amr* (raja atau pemerintah) untuk melaksanakan (menjalankan) hukum-hukum tersebut dengan mengikuti dasar dan nas-nas yang telah ditentukan di dalam syariat Islamiyyah itu.

Setiap hukum yang dilaksanakan dengan mengikuti lunas-lunas yang telah dirintis oleh syariat Islamiyyah itu adalah logik dan adil lagi mendatangkan harapan dan masa depan yang baik bagi orang-orang yang menerima hukuman itu kerana undang-undang syariah Islamiyyah yang dicipta dan diturunkan oleh Allah *Subḥānahu wa Ta 'ālā* itu adalah bersifat mulia dan sempurna. Kedua-dua sifat ini sangat bersesuaian dengan segala keterangan-keterangan nas yang diturunkan dan segala nas-nas itu bersesuaian pula dengan dasar-dasar hidup manusia di dalam masyarakat mereka yang menjamin suatu kehidupan yang bahagia buat selama-lamanya di dalam mencapai keadilan persamaan dan bertimbang rasa di antara sesama manusia, memimpin mereka ke arah kebaikan dan menyeru mereka ke arah ketinggian. Corak hukum-hukum yang terkandung di dalam syariat Islamiyyah itu adalah tetap dan tegas dia tidak merupakan suatu hukum yang bersifat sementara yang akan menerima perubahan mengikuti peredaran masa dan zaman.

#### **Hak raja (pemerintah):**

Sekalipun syariat Islamiyyah telah memberikan hak penglaksanaan kepada *ūlī al-Amr* (raja atau pemerintah)

untuk menjalankan sesuatu hukum, tetapi hak tersebut tidaklah diberikan dengan secara langsung (mutlak). Hak penglaksanaan menjalankan hukum yang telah diberikan kepada raja atau pemerintah itu hendaklah bersesuaian dengan nas-nas syariah yang sumbernya diambil daripada Qur'an dan Hadith. Menyesuaikan hak penglaksanaan raja atau pemerintah dengan hukum-hukum syarak itu menjadikan hak mereka terbatas di atas dua macam *tashrī'* (undang-undang).

#### **A – Undang-undang penglaksanaan:**

Maksud dengan undang-undang penglaksanaan itu ialah memberikan jaminan yang tegas bagi penglaksanaan segala nas-nas syariat Islamiyyah yang sumbernya datang daripada Qur'an dan Hadith. Undang-undang penglaksanaan yang akan dijalankan menurut dasar-dasar yang yang<sup>1</sup> diatur oleh syariat Islamiyyah baharu boleh dilaksanakan setelah disahkan oleh kertas laporan yang dikeluarkan oleh Pejabat Kementerian Dalam Negeri (menurut peraturan di zaman moden) yang biasa dilakukan pada hari ini, semua peraturan berjalan dengan mengikuti dasar-dasar yang telah ditentukan untuk menjamin supaya penglaksanaan undang-undang yang dijalankan itu dapat dilaksanakan dengan sempurna dan teratur.

#### **B – Undang-undang penyusunan:**

Yang dimaksudkan dengan undang-undang penyusunan itu ialah suatu undang-undang untuk menyusun masyarakat hidup manusia dan memperlindunginya serta melaksanakan segala keperluan yang dihajatinya

menurut asas-asas prinsip syariat secara umum. Cara penyusunan masyarakat yang akan dijalankan itu mestilah mengikuti dasar-dasar syariat Islamiyyah yang tulen sejati dan sumber-sumber hukum hendaklah bersesuaian dengan Qur'an dan Hadith, ijmak ulama dan *Qiyās*. Kerana untuk menentukan sesuatu hukum kadang-kadang nas-nas dari Qur'an hanya diterangkan dengan secara umum (tidak secara khas).

#### **Hukum keluarnya pemerintah dari perbatasan haknya:**

Sesuatu pemerintah yang dasar pemerintahannya tidak meliputi batasan hak dan kebenaran maka pemerintahan itu dikira suatu pemerintahan yang adil. Kalau sesuatu pemerintahan itu sudah dinamakan pemerintahan yang adil maka ia wajib ditaati oleh semua rakyat. Jika sekiranya pemerintah itu telah mulai menyeleweng dari dasar-dasar syariat Islamiyyah maka pemerintah itu sudah dianggap sebuah pemerintahan yang batil tidak harus bekerjasama dengannya dan tidak wajib pula ditaati.

Ayat Qur'an yang memerintahkan supaya orang-orang yang beriman itu taat kepada perintah-perintah Allah, Rasul dan *ūlī al-Amr* (pemerintah) ialah sebagaimana yang tersebut di dalam *Sūrah al-Nisā'* ayat (59):

*"Yā ayyuḥā al-ladhīnā aμānū aqī'ū  
Allāha wa aqī'ū al-rasūla wa ūlī  
al-amri minkum, fa in tanāza'tum fī  
shay'i faruddāhu ilā Allāhi wa al-rasūli  
in kuntum tu'minūna bi Allāhi wa al-yawmi*

<sup>1</sup> Berlaku pengulangan yang tidak perlu.

*al-akhir, dhālika khayru wa ahsanu ta‘wīlā.”*

Ertinya: Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah, kepada Rasul dan kepada orang-orang yang berkuasa di antara kamu (pemerintah).

Maka sekiranya kamu berbantah-bantahan di dalam sesuatu perkara hendaklah kamu kembalikan dia kepada Allah dan Rasul jika kamu dari golongan orang-orang yang beriman kepada Allah dan Hari Kemudian yang demikian itu sebaik-baik dan sebagus-bagus takwil (faham atau *qiyās*).

Dan Firman Allah lagi di dalam *Sūrah al-Shūrā* ayat (10):

**“Wa mā ikhtalaftum fīhi min shay’i fa hukmuhu ilā Allāh.”**

Ertinya: Dan apa-apa sesuatu perkara yang kamu berselisih faham padanya, maka kembalikanlah hukumnya kepada Allah. Kita sekalian diwajibkan mesti mentaati segala perintah-perintah Rasul dan *ūlī al-amr* (termasuk pemerintah). Taat kepada Allah itu diwajibkan oleh Allah sendiri, taat kepada Rasul dan *ūlī al-amr* itu juga diwajibkan oleh Allah, bukan dengan perintah Rasul dan tidak pula dengan perintah *ūlī al-amr*. Oleh sebab kalau *ūlī al-amr* (pemerintah) itu menyeleweng daripada menjalankan hukum-hukum yang diturunkan oleh Allah maka pada ketika itu tidak wajib ditaati lagi.

Dalam soal yang tersebut di atas Rasulullah (s.a.w) telah menegaskan di dalam suatu hadithnya yang berbunyi:

**“Lā tā ‘ata li makhlūki fī ma‘siyati al-Khāliq.”**

Ertinya: Tidak boleh taat kepada seseorang makhluk di dalam melakukan maksiat terhadap Tuhan yang menjadikan. Dan sabdanya lagi:

**“Innamā al-Tā ‘atu fī al-ma‘rūf”**.

Ertinya: Sesungguhnya tempat taat itu di dalam perkara kebajikan. Di dalam suatu hadith yang lain baginda bersabda pula: **“Man amarakum minhum bi ma‘siyati falā sami‘a lahu wa lā tā ‘ah”** Ertinya: Barangsiapa yang memerintahkan kamu melakukan pekerjaan maksiat maka janganlah didengar dan jangan ditaati.

**Adakah pemerintah menggunakan hak dalam batasannya?**

Sebahagian besar daripada pegawai-pegawai tertinggi di dalam kebanyakan negara-negara Islam mulai dari sejak abad yang lalu telah cuba mencampur adukkan berbagai-bagai undang-undang dan peraturan-peraturan dari luar negeri sebagaimana yang telah dilakukan oleh negeri-negeri Eropah. Setelah itu mereka lebih suka memakai undang-undang yang diimport dari negeri-negeri Barat seperti undang-undang jenayah, madinah, perniagaan, ekonomi dan lain-lain lagi dengan secara mengenepikan terus undang-undang yang dibawa oleh syariat Islamiyyah. Kalau ada pun undang-undang yang bersendikan syariat Islamiyyah hanya dipakai di dalam pejabat-pejabat agama untuk mengendalikan soal wakaf dan nikah kahwin sahaja.

Kita tidak pula mengatakan bahawa semua undang-undang Barat yang dibawa masuk ke dalam negeri-negeri Islam

itu tidak sesuai dengan undang-undang Islam ada juga di antaranya yang tidak terkeluar daripada dasar-dasar hukum Islam, tetapi yang kita kesalkan ialah sebahagian daripada peraturan dan undang-undang yang dibawa dari negeri-negeri Barat itu terus bertentangan dengan undang-undang yang dibawa oleh syariat Islamiyyah, misalnya di dalam perkara zina dan minuman arak, undang-undang Barat yang dipakai di dalam setengah-setengah negeri Islam mengharuskan zina dan minuman arak, sedangkan syariat Islamiyyah mengharamkan di atas setiap orang Islam berzina dan meminum minuman yang keras.

\* \* \*



Pak Hamka juga tak ketinggalan diundang berucap di dalam majlis *Mawlid al-Nabīyy* yang diadakan di ibu negara - Kuala Lumpur – baru-baru ini.